

# Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Luar Kelas dalam Kalangan Penutur Bukan Asli Bahasa Arab

**BITARA**Volume 4, Issue 2, 2021: 059-069  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Arabic Speaking Skills Outside The Classroom among Non-Native Speakers of Arabic]

Siti Salwa Mohd Noor,<sup>1</sup> Norasyikin Osman,<sup>1</sup> Nurazan Mohmad Rouyan,<sup>1</sup>  
Norhayati Che Hat<sup>1</sup> & Khoirun Nisak Mat Saad<sup>2</sup>

### Abstrak

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai majoriti pelajar bahasa asing berbanding kemahiran bahasa yang lain. Kemampuan pelajar menguasai kemahiran bertutur dengan baik dan berkesan kebiasaannya menunjukkan tahap penguasaan yang tinggi terhadap sesuatu bahasa. Kajian ini berhasrat mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UniSZA). Responden kajian melibatkan 84 orang pelajar tahun satu program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Komunikasi bagi semester dua pengajian tahun 2019/2020. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif yang menggunakan kaedah pengumpulan data secara reka bentuk tinjauan melibatkan edaran soal selidik yang mengandungi 17 item pernyataan. Hasil dapatan kajian mendapati secara purata, skor min responden bagi soal selidik adalah tinggi. Dapatan ini secara langsung memperihalkan bahawa tahap kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab berada pada tahap yang rendah.

### Kata kunci:

Kemahiran bertutur, bahasa Arab, penutur bukan asli.

### Abstract

Speaking skills are the most difficult skills to master the majority of foreign language students compared to other language skills. The ability of students to master the skills of speaking well and effectively usually shows a high level of mastery of a language. This study aims to identify the level of mastery of Arabic speaking skills outside the classroom among students of Bachelor of Arabic at University of Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UniSZA). The respondents of the study involved 84 students in the first year of the Bachelor of Arabic Language program at the Faculty of Languages and Communication for the second semester of studies in 2019/2020. This study is a descriptive quantitative study that uses data collection methods in a survey design involving the distribution of questionnaires containing 17 statement items. The results of the study found that on average, the mean score of respondents for the questionnaire is high. These findings directly describe that the level of extracurricular Arabic speaking skills among non-native Arabic speakers is at a low level.

### Keywords:

Speech skills, Arabic, non-native speakers.

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunkasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

### Corresponding Author:

SITI SALWA MOHD NOOR, Fakulti Bahasa dan Komunkasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

\*E-mail: [salwamnoor@unisza.edu.my](mailto:salwamnoor@unisza.edu.my)

**Cite This Article:**

Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, Norhayati Che Hat, Khoirun Nisak Mat Saad. 2021. Kemahiran bertutur Bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 59-69.

## Pengenalan

Bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan perbendaharaan kata, kepelbagaian gaya bahasa, *wazan* perkataan yang membawa maksud yang pelbagai dan mempunyai peradaban sastera yang sangat unik cabang kajiannya. Bahasa Arab merupakan simbol perpaduan umat Islam dan berkembangnya tamadun Islam ke seluruh pelosok dunia.

Penurunan wahyu Ilahi iaitu al-Quran al-Karim dan penyampaian al-Hadith al-Nabawi dalam bahasa Arab menambahkan lagi kepentingan bahasa ini untuk dikuasai dan difahami oleh semua penganut agama Islam. Ia bukan sekadar bahasa asing yang digunakan untuk menguasai sesuatu disiplin ilmu, bahkan kunci utama untuk memahami agama yang suci ini. Bahasa Arab yang digunakan dalam penulisan *Al-Quran* inilah yang menyatukan dialek dan loghat bangsa Arab yang berbeza mengikut negara masing-masing.

Malaysia telah mengisytiharkan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan telah menjadikan kurikulum bahasa Arab sebagai salah satu subjek yang diajar di sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi swasta dan awam. Bertitik tolak dari itu, kurikulum bahasa Arab telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan para penuntut ilmu di semua peringkat pendidikan di seluruh negara seperti yang didapati pada hari ini (Ku Azizan, Abd Rahman & Jamali, 2014).

Sekiranya ditelusuri tujuan utama kurikulum bahasa Arab diperkenalkan di Malaysia umumnya adalah untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis (Ismail, Tamuri, Nik Yusof, Othman, 2011). Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM, 2016) juga telah menetapkan objektif bagi pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran bahasa Arab ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu bertutur dalam pelbagai konteks dan situasi dengan sebutan yang fasih.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga berhasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan komunikatif hasil daripada pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah selama beberapa tahun. Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, program Ijazah Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua dan Ijazah Bahasa Arab untuk Tujuan Akademik turut ditawarkan kepada pelajar yang berminat mendalami bahasa ini di peringkat yang lebih tinggi (MQA, 2019).

## Tinjauan Literatur

Pembelajaran bahasa asing menitikberatkan empat kemahiran bahasa yang perlu dikuasai pelajar. Kemahiran ini adalah kemahiran mendengar, membaca, menulis, dan bertutur. Walaupun keempat-empat kemahiran ini penting, perhatian yang lebih perlu diberikan kepada kemahiran bertutur kerana ia adalah kemahiran yang paling banyak digunakan dalam kehidupan seharian dan yang paling sukar dikuasai pelajar.

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran bahasa yang paling banyak digunakan dalam kehidupan seharian manusia berbanding kemahiran menulis. Ia adalah alat komunikasi yang pantas dan medium untuk berinteraksi antara individu dan alam sekitar di sekelilingnya. Kemahiran bertutur adalah cerminan jiwa, kerana melaluinya manusia melontarkan buah fikiran dan menyampaikan emosi secara lisan (Ashour dan Hawamidah, 2014).

Kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau asing juga merupakan kemahiran yang wajib dikuasai dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa. Ia adalah kemahiran bahasa yang kebiasaannya dimulai dengan kemahiran mendengar. Malah kemahiran bertutur sering digandingkan bersama kemahiran mendengar dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur secara umumnya boleh disimpulkan dalam empat aspek utama iaitu aspek suara melibatkan sebutan dan kelancaran, aspek bahasa melibatkan kosa kata, morfologi dan sintaks, aspek isi kandungan melibatkan hasil pemikiran dan aspek kefahaman (Siti Salwa, 2017).

Namun tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur dalam sesuatu bahasa sering menjadi persoalan dan jarang dinilai tenaga pengajar di dalam kelas. Ini kerana kesukaran mentadbir ujian kemahiran bertutur berbanding ujian berbentuk kemahiran menulis, terutamanya apabila melibatkan jumlah pelajar yang ramai. Ini menyebabkan kemahiran bertutur sering diabaikan penilaiannya.

Walaupun demikian, terdapat beberapa kajian lepas di Malaysia yang konsisten mengkaji tahap penguasaan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dan bahasa lain melibatkan pelbagai latar belakang responden. Hasil dapatan dari kajian-kajian yang lepas mendapati pelbagai tahap diperolehi apabila kajian dilaksanakan ke atas responden terpilih bagi mengenal pasti tahap kemampuan dalam pertuturan Bahasa Arab.

Siti Salwa (2017) telah melakukan sebuah kajian separa eksperimental bertujuan mengkaji keberkesanan strategi rumusan dan berfikir secara lantang terhadap kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini mendapati tahap pertuturan pelajar berada pada tahap sederhana rendah ketika pra- ujian diadakan. Namun setelah melalui proses pembelajaran berasaskan strategi yang dicadangkan terdapat peningkatan pada beberapa kemahiran pelajar yang diuji. Namun, masih ada segelintir pelajar yang masih memiliki tahap penguasaan yang sama terhadap kemahiran bertutur bahasa Arab walau pun telah didedahkan dengan beberapa strategi pembelajaran bahasa di dalam kelas.

Kajian Anuar (2016) turut bertujuan melihat tahap pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka dan sebab yang menghalang mereka dari bertutur bahasa Arab. Kajian telah dijalankan terhadap 150 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat diploma yang menawarkan kursus bahasa Arab di UiTM Melaka. Hasil kajian menunjukkan bahawa pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar UiTM Melaka adalah rendah, sama ada di dalam atau pun luar bilik kuliah. Tahap pertuturan bahasa Arab yang rendah itu disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah perasaan malu, tidak yakin, takut, tidak bersemangat dan sebagainya. Dapatan kajian ini memberi implikasi praktikal terhadap teknik dan kaedah pengajaran bahasa Arab dalam usaha mempertingkatkan penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UiTM Melaka.

Ku Fatahiyah, Awatif & Hairun (2014) juga telah menjalankan kajian terhadap tahap kemahiran asas bahasa Arab di IPT Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap

empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur bahasa Arab pelajar di KUIS, USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 397 orang pelajar terpilih sebagai sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran bertutur responden kajian berada pada tahap yang tinggi.

Nadwah dan Nadhilah (2014) turut melakukan kajian terhadap permasalahan pertuturan dalam bahasa arab sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Pengajian Islam dan Bahasa Arab yang mengikuti kursus kemahiran bertutur bahasa Arab, yang ditawarkan oleh CELPAD (*Centre for Languages & Pre-University Academic Development*), UIAM. Kajian ini bertujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar ketika bertutur bahasa Arab dengan meneliti secara langsung akan kesukaran-kesukaran yang pelajar hadapi ketika melaksanakan tugas yang melibatkan aktiviti. Metode kajian yang digunakan ialah pemerhatian dan temu bual. Didapati bahawa sejumlah 70% pelajar tidak mampu mengikuti perbincangan dalam kelas dengan efektif disebabkan penguasaan bahasa Arab mereka yang lemah. Kajian ini jua mendapati bahawa kesukaran dalam berbahasa Arab telah membantutkan keupayaan pelajar dalam aktiviti yang memerlukan kemahiran bertutur. Pelajar berdepan dengan lebih banyak masalah ketika melaksanakan tugas secara individu kerana mereka perlu melaksanakannya dengan sendiri. Selain itu, kekurangan kosa kata semasa bertutur juga mengganggu kelancaran pelajar ketika sesi penyampaian tugas dilakukan.

Hairun et.al (2012) menjalankan kajian pemantapan tahap kemahiran asas bahasa Arab melalui kajian tindakan. Seramai 90 orang pelajar KUIS terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah senarai semak, pemerhatian dan soal selidik. Hasil dapatan kajian mendapati tahap penguasaan kemahiran bertutur responden berada pada tahap tinggi.

Ab. Halim Mohamad (2009) telah menjalankan kajian tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia (UPM, UKM, UM, UIAM, USIM) dan faktor yang menghalang penggunaan bahasa Arab. Kajian ini telah dijalankan ke atas 130 orang pelajar dari lima buah IPTA terpilih. Data dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab adalah rendah. Manakala faktor yang menyumbang kepada kurangnya penguasaan bahasa ini dalam pertuturan adalah kerana sifat malu, tidak yakin, takut dan tidak bersemangat mempelajari bahasa ini.

Kertas ini bertujuan meneliti dan mengkaji penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan pelajar bukan penutur asli bahasa Arab. Pelajar dari program pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (UniSZA) dipilih sebagai responden kajian melibatkan 84 orang pelajar tahun satu di Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Dapatan kajian akan memberi gambaran sebenar tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran lisan ketika menggunakan bahasa Arab dalam pelbagai situasi di luar kelas.

## Penyataan Masalah

Dapatan kajian terdahulu mendapati kelemahan yang ketara ditunjukkan oleh pelajar di pelbagai peringkat pengajian tinggi dalam menguasai empat kemahiran bahasa Arab iaitu

mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Nadwah & Nadhilah, 2014; Ghazali Yusri, 2012; Rosni, 2012; Mastura & Kaseh, 2012; Al-Muslim & Zamri, 2012). Permasalahan yang timbul dalam pembelajaran bahasa Arab ialah kelemahan pelajar sekolah untuk menguasainya, khusus dalam pertuturan dan penulisan (Kamarul Shukri Mat Teh et al. 2009)

Manakala kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab adalah berpunca daripada beberapa faktor lain antaranya kelemahan kurikulum bahasa Arab, kekurangan penggunaan strategi PdP yang membantu merangsang kemahiran bertutur pelajar dalam pelbagai aspek, serta ketidaksesuaian aktiviti bahasa yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk mengajar kemahiran bertutur (Al-Harbiyy, 2010; Al-Bajjah, 2000).

Kajian lepas juga mendapati bahawa kesukaran dalam berbahasa Arab telah membantutkan keupayaan pelajar dalam aktiviti yang memerlukan kemahiran bertutur. Pelajar berdepan dengan lebih banyak masalah ketika melaksanakan tugas secara individu kerana mereka perlu melaksanakannya dengan sendiri. Selain itu, kekurangan kosa kata semasa bertutur juga mengganggu kelancaran pelajar ketika sesi penyampaian tugas dilakukan (Nadwah & Nadhilah, 2014).

Kajian ini bertujuan meneliti perkembangan tahap bahasa Arab dalam komunikasi lisan pelajar di peringkat pengajian tinggi setelah sekian lama kurikulum ini mula diperkenalkan di peringkat sekolah rendah dan menengah.

## **Soalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab soalan apakah tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di UniSZA?

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di UniSZA.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif deskriptif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan kaedah tinjauan melalui edaran borang soal selidik. Soal selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan responden terhadap kemahiran bertutur bahasa Arab di luar kelas. Borang ini adalah adaptasi dari borang soal selidik tentang pembelajaran bahasa Inggeris, University of Barcelona bagi mengukur kemahiran bahasa Inggeris pelajar di sana. Ia telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian terkini. Terjemahan ke dalam Bahasa Melayu telah dilakukan terhadap item soal selidik dan telah disemak oleh pakar bahasa. Soal selidik ini mengandungi dua konstruk; bahagian A merangkumi maklumat ringkas profil responden kajian dan bahagian B pula mengandungi dua sub konstruk yang melibatkan 17 item soal selidik tahap kemahiran bertutur responden di luar kelas apabila bertutur dengan penutur asli bahasa Arab.

Responden kajian melibatkan seramai 84 orang pelajar tahun satu semester dua program pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Dengan Kepujian), UniSZA bagi sesi pengajian 2019/2020. Borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar telah dikembalikan kepada pengkaji sepenuhnya pada akhir semester sesi pengajian.

Skala likert lima tahap dipilih kerana ia mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian ditentukan melalui kajian rintis dan kesahan pakar. Jadual 1 ialah interpretasi julat skor min bagi skala likert lima tahap menurut Alias (1999). Terdapat 5 tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.80 berada pada tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21 hingga 5.00 berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 1: Interpretasi julat skor min bagi skala likert lima (5) tahap

Julat	Tahap skor min
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Analisis data dilaksanakan menggunakan perisian IBM SPSS. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu dalam bentuk min, sisihan piawai dan tahap.

## Dapatan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan tentang tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di UniSZA. Jadual berikut menunjukkan jumlah responden dan jantina yang terlibat dalam menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

Jadual 2: Jumlah responden dan jantina

	Frekuensi	Peratusan (%)
Lelaki	18	21.4
Perempuan	66	78.6
Jumlah	84	100.0

Analisis skor min telah dijalankan ke item-item yang berada dalam konstruk A dan B. Jadual 3 menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan tahap skor kemahiran bertutur bahasa Arab

luar kelas dalam kalangan pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di UniSZA yang diperoleh untuk 17 item yang dikaji.

Jadual 3: Tahap kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas

KONSTRUK A				
No	Item	Min	SP	Tahap
1	Sebelum bertutur, saya berfikir apa yang ingin dikatakan dalam bahasa ibunda dan menterjemahkannya.	3.9405	.81183	<b>Tinggi</b>
2	Sebelum bertutur, saya berfikir apa yang ingin dituturkan dalam bahasa Melayu.	4.0595	.66498	<b>Tinggi</b>
3	Saya mendengar dengan penuh perhatian.	3.9524	.70974	<b>Tinggi</b>
4	Saya memberikan perhatian kepada intonasi ketika bertutur.	3.7024	.80330	<b>Tinggi</b>
5	Saya cuba menterjemahkan apa yang dikatakan kepada saya pada ketika itu.	4.0357	.71888	<b>Tinggi</b>
6	Apabila berkomunikasi, saya menggunakan perkataan Arab yang saya dengar dari lagu atau kelas.	3.6548	.78378	<b>Tinggi</b>
7	Saya bertutur dengan perlahan supaya lebih difahami	3.7500	.78962	<b>Tinggi</b>
8	Apabila saya bertutur, saya memberi perhatian kepada tatabahasa yang digunakan.	3.1905	.82836	<b>Sederhana</b>
KONSTRUK B				
No	Item	Min	SP	Tahap
9	Saya memberi perhatian kepada bahasa badan yang digunakan oleh penutur ketika bertutur.	3.9048	.65158	<b>Tinggi</b>
10	Saya cuba menyimpulkan apa yang dikatakan dari konteksnya	3.6310	.77272	<b>Tinggi</b>
11	Saya meminta penutur agar mengulang atau menjelaskan kepada saya apabila tidak faham.	4.0119	.71967	<b>Tinggi</b>
12	Saya berpura-pura saya faham.	3.1786	.90728	<b>Sederhana</b>
13	Saya memintanya untuk bercakap dengan lebih perlahan.	3.7619	.80089	<b>Tinggi</b>
14	Saya cuba meneka yang dikatakan kepada saya dari kata kunci.	3.9881	.70273	<b>Tinggi</b>
15	Jika saya mengalami kesukaran, saya akan membuat ayat lain.	3.6548	.88487	<b>Tinggi</b>
16	Saya bercakap dalam bahasa Melayu atau Inggeris.	4.0000	.74446	<b>Tinggi</b>
17	Saya mereka-reka jawapan.	2.6310	.97905	<b>Sederhana</b>

Jadual 3 menunjukkan tahap kemahiran bertutur Bahasa Arab luar kelas yang diwakili oleh dua konstruk utama A dan B. Konstruk A mengandungi lapan item yang menunjukkan tindakan yang kebiasaannya dilakukan oleh responden apabila berhadapan dengan penutur asli bahasa Arab dan berkomunikasi dengan mereka. Konstruk ini memperihalkan kemampuan dan

tahap responden dalam kemahiran pertuturan bahasa Arab. Dapatan menunjukkan skor min yang tinggi bagi tujuh item, dan satu skor min pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kemampuan dalam kemahiran bertutur yang rendah atau lemah apabila berkomunikasi bersama penutur Arab di luar kelas.

1. Saya mendengar dengan penuh perhatian. (min=3.9524)
2. Saya bertutur dengan perlahan supaya lebih difahami. (min=3.7500)
3. Saya memberikan perhatian kepada intonasi ketika bertutur. (min=3.7024)
4. Saya cuba menterjemahkan apa yang dikatakan kepada saya pada ketika itu. (min=4.0357)
5. Sebelum bertutur, saya berfikir apa yang ingin dituturkan dalam bahasa Melayu. (min=4.0595)
6. Apabila berkomunikasi, saya menggunakan perkataan Arab yang saya dengar dari lagu atau kelas. (min=3.6548)
7. Sebelum bertutur, saya berfikir apa yang ingin dikatakan dalam bahasa ibunda dan menterjemahkannya. (min=3.9405)

Manakala konstruk B pula mengandungi sembilan item pernyataan yang menunjukkan tindakan yang kebiasaannya dilakukan oleh responden apabila menghadapi masalah ketika berkomunikasi dengan penutur asli Arab. Dapatan menunjukkan skor min yang berada pada tahap tinggi bagi tujuh item pernyataan, dan dua skor min berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa responden menunjukkan kemampuan dalam kemahiran bertutur yang rendah atau lemah apabila menghadapi masalah ketika berkomunikasi bersama penutur Arab di luar kelas.

1. Saya bercakap dalam bahasa Melayu atau Inggeris. (min=4.0000)
2. Saya memintanya untuk bercakap dengan lebih perlahan. (min=3.7619)
3. Jika saya mengalami kesukaran, saya akan membuat ayat lain. (min=3.6548)
4. Saya cuba menyimpulkan apa yang dikatakan dari konteksnya. (min=3.6310)
5. Saya cuba meneka yang dikatakan kepada saya dari kata kunci. (min=3.9881)
6. Saya meminta penutur agar mengulang atau menjelaskan kepada saya apabila tidak faham. (min=4.0119)
7. Saya memberi perhatian kepada bahasa badan yang digunakan oleh penutur ketika bertutur. (min=3.9048)

## **Perbincangan**

Hasil dapatan kajian ini boleh disimpulkan dalam dua bahagian perbincangan berdasarkan dua konstruk yang telah diedarkan dalam soal selidik. Ketika komunikasi berlangsung terdapat beberapa tindakan yang kebiasaannya dilakukan oleh pelajar apabila berhadapan dengan penutur asli bahasa Arab dan berkomunikasi dengan mereka. Begitu juga terdapat reaksi dan tindakan spontan apabila mereka mengalami kesukaran dalam komunikasi. Segala tindakan



yang diambil pelajar adalah petanda kepada tahap kemampuan mereka berbahasa Arab di luar kelas.

Dalam kajian ini, kebanyakan pelajar selaku responden kajian melaporkan bahawa mereka akan berfikir dahulu dalam bahasa Melayu sebelum boleh bertutur dalam bahasa Arab dengan cara menterjemahkan ayat ke dalam bahasa Arab. Pelajar juga akan menterjemahkan apa yang dituturkan penutur Arab ke dalam bahasa Melayu untuk memahami isi perbincangan yang berlangsung. Hakikatnya, proses terjemahan dalam pertuturan akan melambatkan proses interaksi dan ini berlaku juga kerana tahap kemampuan yang rendah dalam pertuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajar tahun satu.

Kebanyakan pelajar juga mengambil pendekatan mendengar dengan teliti apa yang dituturkan penutur Arab untuk mengelakkan salah faham. Mereka juga akan bertutur dengan perlahan supaya dapat difahami. Terdapat juga pelajar yang menggunakan kosa kata yang diperolehi dari lagu atas pengalaman lepas untuk digunakan dalam komunikasi bersama Arab. Oleh itu, guru hendaklah mempelbagaikan penggunaan kosa kata dalam pelbagai situasi sebenar agar pelajar dapat memanfaatkannya ketika berkomunikasi di luar kelas.

Dalam konstruk yang kedua menunjukkan kecenderungan pelajar melakukan beberapa perkara apabila berhadapan kesukaran dalam komunikasi bersama penutur Arab. Mereka akan meminta penutur Arab agar mengulang atau menjelaskan semula perkara yang dibincangkan. Sekiranya tidak memahami pertuturan tersebut, pelajar akan cuba memfokuskan kepada bahasa badan penutur asli dan meneka-neka maksud pertuturan mereka. Tidak kurang yang memina penutur asli Arab untuk bercakap dengan lebih perlahan agar boleh difahami pelajar. Ketika pelajar pula bertutur dan mengalami kesukaran mereka cenderung untuk membina ayat lain dan membuat kesimpulan dari konteks perbincangan yang berlangsung.

Sekiranya diperhatikan dari maklum balas responden didapati mereka mempraktikkan beberapa strategi komunikatif dalam pembelajaran atau pemerolehan bahasa kedua seperti menggunakan teknik pemindahan bahasa atau terjemah (*Transfer*) dan membentuk ayat lain sekiranya pertuturannya tidak difahami (*paraphrase*). Perilaku ini adalah normal dalam pemerolehan bahasa kedua atau asing dan seharusnya diraikan guru sehingga pelajar berjaya mencapai tahap kemampuan bertutur yang optimum. Ini kerana melalui strategi komunikatif yang digunakan, pelajar akan menemukan titik kelemahan yang perlu diperbaiki dalam pertuturan bahasa Arab. Seterusnya meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dan menambah motivasi dan rasa minat dalam penguasaan kemahiran bahasa ini.

## Kesimpulan

Secara ringkasnya pelajar tahun satu pengajian bahasa Arab di UniSZA didapati berhadapan kesukaran ketika berkomunikasi dengan penutur asli Arab di luar kelas. Mereka akan cenderung berfikir dahulu sebelum bertutur dan melakukan proses terjemahan sebelum berkomunikasi. Ini kebiasaannya berpunca dari pelbagai sebab antaranya kurang kosa kata, tidak mahir dalam tatabahasa, tiada motivasi, malu dan rasa rendah diri.

Oleh itu, para pengajar bahasa Arab digalakkan untuk memfokuskan aktiviti pembelajaran bahasa Arab kepada pengukuhan kosa kata serta memperbanyakkan aktiviti berkumpulan dengan menekankan aspek berkomunikasi dalam bahasa Arab semasa tugasan-tugasan tersebut dilaksanakan. Pelajar didapati dapat mengatasi masalah yang mereka hadapi

dengan bantuan rakan sekumpulan. Selain itu, aktiviti berkumpul juga mampu mencetuskan suasana kebahasaan yang dapat merangsang penggunaan bahasa yang dipelajari seperti yang dicadangkan oleh kebanyakan kajian lepas.

## Penghargaan

Para pengkaji ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang telah menawarkan dana geran dalaman universiti untuk menyiapkan penyelidikan ini (UniSZA/2018/GOT/02).

## Rujukan

- Ab. Halim Mohamad (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1), 1-14.
- al-Bajjah, 'Abd al-Fattah Hasan (2000). *Usul Tadris al-Arabiyyah baina al-Nazoriyyah wa al-Mummarasah*. Amman: Dar al-Fikr li Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Literatur di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab* (pp.278-284). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Sopian (2016). Tahap Pertuturan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar yang Mengambil Kursus Bahasa Arab di UITM Melaka *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016* (pp.174-280). Kuala Lumpur: Malaysia. (e-ISBN 978-967-0792-08-8).
- Ashour, Ratib Qasim & al-Hawamidah Ahmad Fuad (2014). *Asalib Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah baina al-Nazoriyyah wa al-Tatbiq*, cetakan keempat. Amman: Dar al-Masirah linnasyar wa-Tauzi'.
- Ghazali Yusri Abdul Rahman (2012). Penilaian Kemahiran Lisan dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi. Unpublished Doctoral Dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abd Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Siti Nurhajariah Md Isa (2016). Membina Kemahiran Bertutur dalam Bahasa Arab Melalui Teknik Main Peranan. *Arabic Studies & Islamic Civilization*, 3(1), e-ISSN: 2289-6759 89-100
- al-Harbi, Muhammad (2010). Fa'aliyyah Madkhol 'Amaliyyat al-Kitabah fi Tanmiyyah ba'dhi Mahara al-Ta'bir al-Ibda'ie lada Talamiz al-Soff al-Thaniyy Mutawossit bi al-Madinah al-Munawwarah. Unpublished Master Thesis. University of Teibah, Madinah.
- Ismail, Zawawi, Tamuri, Ab Halim, Nik Yusoff, Nik Mohd Rahimi & Othman, Mohd Ala-Uddin (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2): 67-82.

- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohamad Rahimi, Mohd Amin Embi dan Zambri Mahamod. (2009). Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 41-46.
- Ku Azizan, Ku Fatahiyah, Abd Rahman, Awatif & Jamali, Hairun Najuwah (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman, Hairun Najuwah Jamali (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32. (E-ISSN: 2289-6880).
- Malaysian Qualifications Agency. (2018). *Programme Standards: Language*. Malaysia.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar (2012). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab* (pp.139-155).
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Rosni Samah (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 555-569.
- Siti Salwa Mohd Noor (2017). *Athar Istikhdam Istirotiyyatayy al-Talkhis wa al-Tafkir bi Soutin 'Alin fi Tahsin al-Tahadduth wa al-Qiraah al-Jahriyyah lada Mutaalimiyy al-Lughati al-Arabiyyah fi Malizia*. Unpublished Doctoral Thesis. WISE University, Jordan.